

BUDAYA TEKNOLOGI PERHUBUNGAN BERASASKAN NILAI-NILAI YANG TERKANDUNG DI DALAM FALSAFAH MELAYU ISLAM BERAJA¹

Oleh

Prof. Madya Ampuan Dr Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah
Akademi Pengajian Brunei
Universiti Brunei Darussalam

Pengenalan

Ada tiga kata kunci yang perlu dijelaskan terlebih dahulu sebelum membincangkan tajuk ini, iaitu 'teknologi perhubungan', 'budaya teknologi perhubungan', dan 'nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB)'. Teknologi diertikan sebagai keseluruhan sarana (sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat) untuk menyediakan barang-barang yang diperlukan bagi kelangsungan dan kenyamanan hidup manusia dari semasa ke semasa. Perhubungan atau komunikasi pula adalah segala yang berkaitan dengan lalu lintas seperti jalan raya, kereta api, kapal terbang, kapal laut dan sebagainya, dan yang berkaitan dengan telekomunikasi seperti surat-menyurat, pos telegram, telefon, dan sebagainya. Sementara 'teknologi perhubungan' adalah segala yang berkaitan dengan perhubungan atau komunikasi dengan cara dan peralatan baru yang memberikan kemudahan kepada manusia. Cara dan alat perhubungan yang sedemikian telah dapat memperkecil hambatan fizik terhadap komunikasi dan memungkinkan manusia berinteraksi secara bebas dalam skala global. Jadi bagi saya, 'Budaya Teknologi Perhubungan' itu adalah sifat-sifat yang terdapat dalam teknologi perhubungan itu sendiri atau sifat kewujudannya (seperti mudah, cepat, efisien dan dinamik) dalam hubungannya dengan manusia sebagai pengguna yang mempunyai budayanya menghadapi kewujudan tersebut. Sementara 'Nilai-nilai MIB' adalah nilai-nilai kebruneian yang berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja yang sudah lama diamalkan dan diwarisi turun-temurun. Nilai-nilai MIB yang pada umumnya bersifat universal itu adalah

¹ Kertas kerja yang dibentangkan semasa *Simposium Majlis Ilmu 2016* di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas pada 23 Ogos 2016.

nilai yang membisaikan diri orang Brunei dan kehidupannya, yang setentunya dapat membawa kesejahteraan dan keselamatan.

Dalam kertas kerja ini, tidak akan dibicarakan secara tuntas teknologi perhubungan sebagai alat kerana kita adalah masyarakat pengguna yang lebih banyak menerima dan bukan sebagai pencipta. Apa yang akan lebih difokuskan dalam kertas kerja ini ialah orang Brunei itu sendiri sebagai pengguna atau pengendali atau pentadbir teknologi perhubungan itu. Orang Brunei sudah lama terkenal sebagai masyarakat yang mengamalkan cara hidup kebruneian berintikan etika, beradat resam dan kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan Islam yang bersifat atau mengandungi nilai-nilai MIB. Nilai-nilai MIB itu telah diamalkan dan sehati dengan orang Brunei sejak Awang Alak Betatar memeluk agama Islam pada abad ke-14 dan menjadi Sultan yang pertama memerintah Brunei yang dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah (TM 1363–1402). Nilai-nilai MIB yang telah diwarisi turun-temurun antaranya seperti *beawar galat*, *belurus*, *cakah*, *inda camah mata*, *titih*, *lutanan*, *bakarih*, taat setia kepada raja dan sentiasa mentaati ajaran dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan nilai-nilai ini terus diamalkan hingga sekarang.

Dalam budaya teknologi pengangkutan, 'kecepatan dan keselesaan' adalah antara ciri penting yang diambil kira atau diutamakan dalam penciptaan alat atau media pengangkutan terbaru atau *up to date*. Kecepatan dan keselesaan yang ditawarkan oleh alat atau media pengangkutan dapat membantu pengguna-pengguna bergerak lebih cergas dalam melaksanakan pekerjaan dan kegiatan harian mereka. Orang Brunei yang memiliki sifat *cakah* dan *bakarih* akan dapat melakukan aktiviti atau pekerjaan secara maksimal. Bagaimanapun pada masa yang sama, kecepatan juga sering mempengaruhi pengguna untuk membelakangkan nilai hormat-menghormati dan *beawar galat* tersebut. Misalnya memandu laju dalam kawasan yang tidak sepatutnya memandu laju, atau memandu dalam keadaan yang berbahaya. Peribahasa Melayu 'biar lambat asal selamat' membayangkan bahawa orang Melayu khususnya orang kitani mementingkan keselamatan dan mempunyai sikap penuh berhati-hati. Sifat hati-hati ini terbayang daripada kebiasaan orang tua-tua Brunei pada masa lalu yang bukan sahaja berhati-hati memastikan kenderaan dalam keadaan baik, berhati-hati mengayuh perahu atau menjalankan motor sangkut, atau memandu kereta, mereka juga tidak lupa berdoa ketika mula menaiki kenderaan. Mereka

memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya perjalanan mereka selamat dan diberkati oleh Allah. Malah bukan itu sahaja, semasa bertolak dari rumah, mereka juga sudah mulai berdoa sambil melakukan beberapa petua leluhur supaya perjalanan mereka sampai dengan selamat ke tempat yang dituju. Jadi keselamatan ialah faktor utama yang diberi perhatian oleh orang kitani pada masa lalu hingga sekarang.

Masyarakat Brunei pada masa kini termasuk generasi baru, dipercayai kebanyakan mereka memberikan tumpuan atau perhatian kepada aspek spiritual bersama-sama dengan aspek fizikal. Hal ini adalah wajar disebabkan sistem pendidikan yang mewajibkan pendidikan agama diberikan kepada setiap kanak-kanak, bersama-sama dengan pendidikan ibu bapa di rumah yang masih bertunjangkan nilai-nilai MIB. Di sekolah dan di rumah, biasanya anak-anak diajar berdoa sebelum memulakan sesuatu pekerjaan supaya apa yang dibuat akan diberkati oleh Allah. Jadi, warisan budaya pendidikan masa lalu dan berlangsung hingga kini memantapkan lagi tentang pentingnya keselamatan dalam perhubungan masa kini. Peribahasa 'biar cepat asal selamat' daripada versi asal 'biar lambat asal selamat' adalah gambaran perubahan minda mengenai keselamatan tersebut sesuai dengan tuntutan masa kini. Dalam hal ini, nilai-nilai MIB seperti sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, *titih*, *lutanan*, sabar dan seumpamanya perlu ada dalam diri orang Brunei supaya kecepatan/kemajuan dalam budaya teknologi perhubungan itu dapat diseimbangi dan diselaraskan bagi keselamatan dan mewujudkan sesuatu hasil yang positif.

Selain itu, budaya teknologi perhubungan itu juga dapat diteliti melalui alat atau media perhubungan itu sendiri dengan melihat keperluan-keperluannya yang bersesuaian dengan nilai-nilai MIB. Misalnya dalam bidang pengangkutan seperti bas, perahu, kereta, kapal terbang, kapal layar, kapal laut dan lain-lain mempunyai keperluannya tersendiri yang didasari oleh nilai-nilai MIB yang tentu akhirnya dapat memberi keselesaan, kemudahan dan keselamatan.

Dalam bidang pengangkutan, telah pun disediakan tempat-tempat duduk bagi orang tua-tua, dan orang kurang upaya atau orang berkeperluan khas yang dapat menonjolkan nilai-nilai MIB seperti prihatin, *beawar galat* dan hormat-menghormati. Selain itu, perlu juga difikirkan lagi bagaimana menyediakan tempat duduk khas bagi lelaki dan perempuan

secara berasingan dalam sistem pengangkutan umum kitani. Keperluan-keperluan lain yang juga telah disediakan adalah antaranya menyediakan loceng bagi penumpang untuk memberi tahu pemandu supaya memberhentikan kenderaannya di perhentian yang terdekat agar penumpang-penumpang tidak perlu berteriak memanggil-manggil pemandu kenderaan supaya berhenti, dan menyediakan tempat-tempat perhentian. Budaya teknologi perhubungan seperti ini tentunya berasaskan nilai MIB yang prihatin kepada pengguna, *beawar galat* sesama penumpang dan pemandu. Di sini *berawar galat* dimaksudkan sebagai bersopan santun dan berbudi bahasa kepada pengguna dengan tidak mengganggu pengguna-pengguna jalan raya yang lain, menurunkan penumpang di tempat yang dikhaskan, meletakkan kenderaan di tempat yang disediakan dan tidak memblok kenderaan-kenderaan lain. Budaya teknologi perhubungan seperti itu, mencerminkan sifat hormat-menghormati, hormat kepada para pengguna dan orang ramai yang menggunakan kemudahan jalan raya tersebut.

Sistem duduk berdasarkan nombor kerusi, dan masuk ke dalam kenderaan awam beratur mengikut giliran juga mencerminkan sifat orang Brunei yang *beawar galat*, dan menghormati para penumpang dengan tidak berebut-rebut dan bersesak-sesak naik dan turun dari kenderaan. Konduktor bas atau motor tambang juga sentiasa memastikan jumlah penumpang yang dibenarkan tidak melebihi had muatan. Hal ini memperlihatkan nilai MIB yang *belurus*. *Belurus* di sini dimaksudkan bersifat jujur dengan menepati apa yang diperintahkan atau patuh kepada undang-undang dan ajaran Islam yang mengajarkan umatnya bersifat amanah. Misalnya jika diaturkan sebuah bas atau sebuah perahu tambang membawa penumpang tidak melebihi sejumlah 22 orang atau 10 orang, maka konduktor bas atau pemandu perahu tambang perlulah mematuhiinya, tidak membenarkan sesiapa pun menaiki bas atau perahu setelah jumlah penumpang mencapai 22 orang atau 10 orang demi keselamatan bersama.

Melengkapi jalan raya dengan lorong atau *pavement* untuk pejalan kaki di bahu sebelah kiri dan kanan jalan mencerminkan 'perhubungan selamat'. Para pejalan kaki akan berasa selamat berjalan di tempat yang disediakan. Bukan itu sahaja, pembinaan lorong untuk penunggang basikal diberi kemudahan yang sama supaya keselamatan mereka lebih terjamin. Sifat prihatin, *titih* dan *lutanan* dalam merancang kemudahan-kemudahan

tersebut, mencerminkan adanya kesedaran tentang nilai-nilai MIB yang mengutamakan aspek keselamatan. Oleh itu pihak yang berkaitan, haruslah mulai memikirkan untuk melengkapinya beberapa langkah ke depan khususnya menyediakan dengan lebih banyak lagi jalan raya dengan lorong untuk pejalan kaki dan penunggang basikal. Dengan lorong-lorong tersebut, akan menarik lebih banyak orang kitani menggunakan basikal untuk pelbagai tujuan, yang sudah setentunya di samping meningkatkan keselamatan, ia juga memberi kesan positif dalam pelbagai aspek kehidupan.

Seterusnya, jalan raya kitani juga telah pun dilengkapi dengan susur jalan keluar dan masuk dari jalan utama dengan baik, yang dapat memberi kemudahan dan keselamatan. Bagaimanapun terdapat beberapa susur jalan masuk dan keluar yang kurang teratur dan sedikit sebanyak mengganggu perjalanan pengguna-pengguna jalan raya di kawasan tersebut. Di sini nilai *prihatin*, *titih*, *lutan* dan *penuntutan* adalah antara nilai yang perlu ada dalam memperbaiki susur jalan masuk dan keluar tersebut. Selain itu, jalan raya kitani telah pun disediakan garis pembahagi jalan yang jelas, tanda-tanda jalan dan lampu isyarat yang berfungsi dan sebagainya. Semua ini bertujuan untuk memberi kemudahan dan keselamatan dalam membina kehidupan orang kitani. Satu lagi nilai MIB yang perlu ada dalam masyarakat kitani sebagai pengguna jalan raya ialah nilai *inda camah mata*. Dalam kemajuan teknologi dan sistem perhubungan moden masa kini, sering terjadi kemalangan yang melibatkan kecederaan atau kerosakan kenderaan yang memerlukan bantuan, atau kehabisan minyak yang perlu diisi dan masalah-masalah lain. Dalam hal ini, orang kitani yang bersifat *inda camah mata* akan bersedia dengan sukarela memberi bantuan kerana Allah. Jika sifat *inda camah mata* terus subur dalam masyarakat kitani, kemalangan yang mengakibatkan kecederaan yang hampir membawa maut mungkin dapat diselamatkan dengan bantuan segera membawa mangsa ke rumah sakit.

Dari segi teknologi perhubungan udara, langkah sistem Penerbangan Diraja Brunei yang memulakan penerbangan dengan doa adalah suatu bukti nyata yang nilai-nilai MIB telah mendasari budaya teknologi perhubungan di Brunei. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan tindakan Kerajaan KDYMM yang telah membebaskan kapal terbang Royal Brunei daripada minuman keras dan rokok. Royal Brunei juga telah mereka cipta pakaian pramaguri dan pramagura sesuai dengan nilai-nilai kebruneian yang berasaskan falsafah Melayu Islam

Beraja serta memberikan kemudahan bersahur dan bersungai jika penerbangan berlaku pada bulan Ramadhan. Mungkin usaha ini akan dapat dilartkan lagi dengan menyediakan ruang tempat sembahyang atau solat semasa dalam penerbangan.

Dalam budaya teknologi perhubungan yang berkaitan dengan telekomunikasi seperti surat-menyurat, telegram, telefon dan sebagainya adalah lebih merujuk kepada pengguna itu sendiri dalam menjiwei nilai-nilai MIB yang pada umumnya bersifat universal. Posmen yang menghantar surat mestilah memiliki sifat *belurus* atau jujur, supaya surat-surat yang dihantar selamat dan cepat iaitu dalam masa yang biasanya diperlukan untuk sampai di tempat yang dimaksudkan. Komunikasi melalui telefon pula, pemanggil dan penerima perlu *beawar galat* atau bersopan santun bagi mewujudkan budaya komunikasi berasaskan nilai-nilai MIB.

Selain itu, teknologi perhubungan yang sentiasa dinamik telah memperkenalkan beberapa media telekomunikasi baru yang lebih canggih; cepat, mudah dan efektif seperti *whatsapp*, *facebook*, *instagram*, *telegram* dan sebagainya. Budaya telekomunikasi baru seperti ini memerlukan perhubungan yang berasaskan nilai-nilai MIB, khususnya hormat-menghormati, *beawar galat*, *belurus*, *cakah*, *ginis*, *inda camah mata*, *lutanan*, *bakarih*, taat setia kepada raja, patuh kepada undang-undang dan peraturan, dan sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, dengan mengamalkan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mesej-mesej *whatsapp* yang diterima yang perlu dijawab hendaklah dijawab dengan rasa hormat-menghormati dan *beawar galat*. Mesej-mesej *whatsapp* yang diterima dan ingin dipanjangkan (*forward*) setentunya akan dicermati dengan sifat *balurus*, *titih*, *lutanan*, bertanggungjawab dan sentiasa mentaati perintah Allah. Hal-hal yang tidak benar dan sengaja diada-adakan tidak akan disebarkan dan begitu juga hal-hal yang mencemarkan nama baik seseorang perlulah dihindari. Begitu juga dengan penggunaan *facebook*, *instagram*, *telegram* dan sebagainya semestinya berasaskan nilai-nilai MIB yang membawa keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan diri dan kehidupan.

Terdapat beberapa cabaran dalam mewujudkan budaya teknologi perhubungan yang berasaskan nilai-nilai yang terkandung di dalam falsafah MIB. Salah satu cabaran yang utama ialah pengaruh daripada budaya luar yang sedikit sebanyak mempengaruhi

kehidupan dan nilai-nilai MIB tersebut. Budaya luar itu pula datangnya daripada pelbagai cara atau sumber misalnya melalui internet yang merupakan perhubungan global dan kuat pengaruhnya terhadap nilai-nilai kebruneian yang berasaskan MIB. Selain itu, pengaruh luar juga datang melalui kehadiran pekerja-pekerja asing khususnya pemandu-pemandu yang kurang atau langsung tidak mengetahui nilai-nilai MIB. Mereka yang bertugas sebagai pemandu atau *driver*, akan meletakkan kenderaan mereka sesuka hati, meletakkan di kawasan yang tidak dibenarkan *parking* sehingga kadang-kadang menghalang atau memblok kereta pengguna-pengguna lain yang sudah *parking* terlebih dahulu. Kesemua cabaran ini perlu dihadapi dan kita sebagai orang Brunei penuh percaya bahawa nilai-nilai MIB akan terus mantap dan dapat dilestarikan melalui sistem pendidikan yang kita rancang sendiri. In shaa Allah dengan memberikan pendidikan MIB kepada anak-anak di sekolah dan di rumah, kitani pasti bahawa nilai-nilai MIB akan terus mendasari budaya teknologi perhubungan.

Sebagai kesimpulan daripada pembicaraan yang ringkas ini dapatlah dikatakan bahawa sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, budaya teknologi perhubungan di Negara Brunei Darussalam pada umumnya sudah pun berasaskan nilai-nilai kebruneian yang berpaksikan Islam dan berpemerintahan beraja. Hanya berapa perkara lain sahaja yang perlu diadakan bagi memaksimumkan penerapan nilai-nilai MIB dalam budaya teknologi perhubungan kitani. Apa yang paling utama dan mendasar dalam budaya teknologi perhubungan berasaskan nilai-nilai MIB ini ialah keselamatan. Antara nilai-nilai MIB yang menjadi dasar dalam menuju keselamatan tersebut adalah sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala setiap masa dengan mengerjakan ajaran dan suruhan-Nya, di samping nilai hormat-menghormati, *beawar galat, lurus, cakah, inda camah mata, titih, lutan*, taat setia kepada raja dan seumpamanya. Dengan adanya nilai-nilai MIB yang sedemikian dalam budaya teknologi perhubungan kitani, sudah tentu ia akan dapat menjana perhubungan berkat dan selamat dan seterusnya dapat menjadi pemangkin kesejahteraan orang kitani khususnya dan kesejahteraan ummah umumnya.